



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

GRADUATE SUCCESS ATTRIBUTES

UHMT 1012-SECTION 09

TUGASAN 1

**ESEI TENTANG ISU SEMASA YANG BERLAKU DI SELURUH
DUNIA (ISU PENEBAHAN HUTAN)**

NAMA	:	HENG YI JING
NO MATRIK	:	A20BE0073
NO TELEFON	:	01135465323
PROGRAM/TAHUN	:	SBEH 2020/2021
NAMA LECTURE	:	DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

Hutan adalah kumpulan pohon-pohon yang tumbuh pada tempat lapangan yang luas. Hutan juga sebagai komuniti tumbuhan-tumbuhan dan haiwan yang dikuasai oleh pokok, dan mempunyai nilai komersial dalam ekonomi. Hutan meliputi lebih dari 30% permukaan tanah bumi (NASA) dan mempunyai banyak fungsi iaitu hutan perlindungan mengelakkan berlaku tanah runtuh, pencegah banjir dan lain-lain (Arief A. 2001). Hutan juga berinteraksi dengan komponen-komponen fizikal yang lain seperti atmosfera, litosfera dan hidrosfera ataupun manusia serta hidupan yang lain (Jamaluddin Md Jahi 2013). Hutan merupakan khazanah negara yang memerlukan kita semua untuk memelihara dan memulihara (Nur Azreen 2020). Menurut laporan WWF hutan dapat membekalkan pelbagai sumber iaitu ubat-ubatan, kayu-kayan dan lain(WWF). Terdapat perkara yang berlaku berkaitan dengan hutan ialah penebangan hutan. Penebangan hutan merupakan pemusnahan, atau penyingkiran pokok dengan cara yang sengaja, semula jadi atau tidak sengaja. Ia boleh berlaku di mana-mana kawasan yang padat oleh pokok dan kehidupan tumbuhan lain, tetapi sebahagian besarnya kini berlaku di hutan hujan Amazon (Pachamama Alliance 2020). Penebangan hutan bukan merupakan fenomena baru dan telah berwujud sejak berabad-abad tetapi kesannya tidak dapat menyelesaikan. Aktiviti ini mengurangkan jumlah hutan asal dan biodiversiti hutan hidupan liar. Terdapat beberapa bahagian bumi yang lebih kaya dengan hutan salah satu ialah Amazon (Sinar Harian 2020). Di Amazon, penebangan hutan berlaku secara berleluasa dan tanpa kawalan iaitu pada tahun 2019, penebangan hutan negara Amazon meningkat sebanyak 104 peratus berbanding dengan tahun 2018 (Berita Harian 2019). Pada masa kini penebangan hutan sudah menjadi isu yang menjejaskan keselamatan negara. Oleh itu, terdapat beberapa faktor dan kesan yang dijadikan.

Tujuan yang saya pilih tajuk Penebangan Hutan disebabkan isu ini adalah isu semasa yang berlaku di negara semakin tinggi dan teruk yang memberi kesan negatif kepada negara . Hutan merupakan khazanah negara dan banyak fungsi terhadap buni tetapi aktiviti penebangan hutan dilakukan secara berleluasa tanpa kawalan menyebabkan kawasan semakin kecil dan gondol dan berlaku hakisan tanah yang membahayakan nyawa masyarakat. Terdapat banyak berita tentang penebangan hutan dipaparkan di surat khabar, berita online, oleh itu saya menarik minat untuk menyiasat punca, kesan isu yang berlaku penebangan hutan dan memberi langkah untuk mengatasi masalah. Di negara kita iaitu Malaysia beriklim panas sepanjang tahun , hal ini demikian menyebabkan saya memilih topic ini untuk mencari akal untuk

menstabilkan suhu kita dengan cara penanaman semula pokok dan sebagainya. Kesan penebangan hutan dapat memberi kesedaran dan mengambil berat tentang isu ini supaya memupuk semangat cintai alam sekitar.

Faktor yang menyumbang kepada penebangan hutan ialah aktiviti pembangunan dan pembinaan dalam pelbagai sektor. Pembinaan kawasan perumahan dan bangunan-bangunan menyebabkan banyak hutan terpaksa ditebang, hidupan liar yang berada di hutan akan menghilangkan habitat. Dalam sektor pembangunan, menurut statistik penduduk (GCARIAN 2019) pada tahun 2019 mempunyai 32.6 juta orang, oleh itu aktiviti pembinaan kawasan perlu diikuti dengan keperluan penduduk untuk pembukaan kawasan penempatan baru bagi peningkatan jumlah penduduk. Lebih penduduk juga merupakan ancaman bagi hutan dan jika tidak dikenalkan orang akan terus penebangan hutan sehingga tiada liputan hutan di bumi. Sektor pelancongan juga akan menyumbang hutan kepada kemusnahan hutan kerana perlu pembukaan tempat pelancongan baru memerlukan banyak tempat dan bangunan, ini juga termasuk prasarana iaitu jalan raya yang banyak untuk menghubungkan tempat pelancongan dengan kawasan lain. Aktiviti ini akan menyebabkan struktur tanah yang longgar dan tidak stabil ekoran daripada kehilangan cengkaman akar pokok dan kejadian tanah runtuh. Sektor yang seterusnya ialah sektor pertanian. Sektor pertanian dan penternakan juga salah satu punca penebangan hutan, petani akan menebang hutan untuk menjalankan aktiviti penanaman, oleh itu kawasan yang ditebang akan menjadi semakin besar dan menjadi kawasan penternakan. Aktiviti pertanian yang dijalankan adalah punca menyebabkan kebakaran hutan seperti di Hutan hujan Amazon (Dr Adibah Mohd Amin 2019). Oleh sebab itu, pokok akan ditebang dengan besar-besaran untuk mendapat kayu dan menghasilkan kertas (FOCMA).

Faktor yang lain adalah aktiviti pembalakan haram. Pada masa kini aktiviti ini juga dijalankan dengan berleluasa dan hutan simpanan juga menjadi gondol (Fuzial Salleh 2014), aktiviti pembalakan haram adalah tidak terancang dan salah di sisi undang-undang untuk mendapatkan sumber kayu supaya dapat mendapatkan keuntungan dengan cara mudah. Selain juga akan mengurangkan jumlah hutan dan merosakkan habitat hidupan liar, juga akan menyumbang kepada hakisan tanah, kerosakan cerun, tanah bongkar dan tanah runtuh (Mohd Rafi Mamat 2020). Pembalakan hutan adalah untuk pembukaan hutan baru untuk penternakan atau pertanian dijalankan rancangan tanah oleh FELDA. Pembalakan dijalankan untuk mendapatkan kayu balak untuk kegunaan dalam industri pembinaan seperti dibuat

menjadi perabot dan juga boleh menjadi bahan eksport agar dapat meningkatkan pendapatan negara. contohnya sebuah syarikat di Sabah mengharamkan eksport balak, oleh itu syarikat mendapat denda daripada kerajaan (FMT 2019). Pembalakan juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk seperti pekerja kilang perabot, pemandu pengangkutan balak dan lain-lain. Inilah juga dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara dan meningkatkan taraf hidup penduduk, contohnya menurut Timbalan Ketua menteri Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan mengatakan industri di Sarawak dapat memberikan sebanyak 80000 peluang pekerjaan kepada penduduk(SARAWAKVOICE 2019). Pembalakan yang berleluasa akan meningkatkan kawasan hutan yang diceroboh dan menyebabkan tanah tidak kukuh dengan pokok. contohnya di negara Amazon terdapat hampir 8000km persegi hutan sudah musnah kerana pembalakan hutan (ASTRO AWANI 2018). Menurut Nora Mahpar berkata produk perabot yang diperbuat oleh kayu balak dapat menyumbang 35 peratus hasil kepada jumlah eksport Malaysia tatapi pembalakan adalah haram dan hendak dikawal (Nora Mahpar 2019).

Antaranya kesan yang akan berlaku ialah kepupusan flora dan fauna. Hutan merupakan tempat tinggal bagi pelbagai jenis flora dan fauna. Penebangan adalah kesan utama yang menyebabkan kepupusan tumbuhan dan haiwan liar, oleh kerana apabila aktiviti pembalakan secara besar-besaran dijalankan ia akan memusnahkan spesis tumbuhan dan menjejaskan tempat tinggal haiwan liar. Haiwan yang kehilangan tempat tinggal akan melarikan diri ke tempat lain, inilah akan menjadi gangguan manusia. Contohnya di negara Kuantan terdapat lebih 180 ekor gajah yang kelaui dari hutan untuk mencari makanan kerana pembuatan manusia yang penebangan hutan dan perlombongan (Mohd Rafi Mamat 2019). kawasan hutan yang menjadi kecil akan mengurangkan kemampuan haiwan-haiwan mencari makanan dan habitat. Pada masa kini, permintaan manusia semakin tinggi, oleh sebab itu banyak kawasan baru perlu diteroka untuk menjalankan pembinaan dan pembangunan. Apabila hutan dimusnahkan, pokok adalah pengeluaran pertama dalam ekosistem, inilah akan menjejaskan hidupan yang bergantung kepada tumbuh-tumbuhan seperti haiwan dan manusia akan kehilangan sumber makanan. Kepupusan flora dan fauna juga akan menjejaskan keseimbangan ekosistem. Contoh haiwan yang semakin pupus adalah gajah, orang utan, harimau dan lain-lain (RIDZAUDDIN ROSLAN 2019).

Di samping itu, peningkatan suhu iklim dan pemanasan global adalah salah satu kesan penebangan hutan. Hutan yang semakin berkurangan akan menjadi

pokok-pokok tidak dapat menyerap karbon dioksida dan menghasilkan oksigen yang banyak, hal ini disebabkan ketiadaan pelindung yang menghalang bahangan matahari dan lebih gas karbon dioksida dalam atmosfera (Adam Shah Lokman 2017). Oleh itu suhu yang tinggi akan menyebabkan tanah menjadi tidak subur bagi menjalankan aktiviti pertanian. Jika aktiviti pertanian terjejas, hasil pertanian juga akan kekurangan sekali gus akan mengancam bekalan makanan manusia dan haiwan. Peningkatan suhu sepanjang tahun akan mengurangkan hujan dan menjadi fenomena kemarau atau pembakaran semula jadi. Contohnya hutan di negara Australia Sydney berlaku kebakaran teruk kerana suhu setempat yang tinggi iaitu lebih 40 darjah celsius suhu yang tinggi (BH online 2020). Pemanasan global juga akan berlaku kerana kekurangan pokok akibat peningkatan suhu, ia akan mencairkan litupan salji dan glasier. Oleh sebab itu pencairan salji akan menaikkan aras laut dan memberi impak iaitu banjir kepada negara. Perubahan suhu iklim bukan sahaja menjejaskan ekosistem, ia juga akan menjadi gangguan manusia .

Seterusnya, penebangan hutan juga memberi kesan bencana alam kepada bumi iaitu tanah runtuh, hakisan tanah dan banjir lumpur. Penebangan hutan yang berleluasa akan menyebabkan hakisan tanah, ia akan menyumbang kepada pemendapan, kerosakan cerun dan lain-lain. Penebangan hutan yang berterusan di kawasan tadahan air akan menjejaskan kualiti air dan bekalan sumber air, ini juga akan menyebabkan banjir di kawasan yang rendah (Hafizan Juahir 2016). Apabila akar-akar pokok tidak kukuh dengan tanah, tanah akan tidak mampu untuk menampung segera benda di atas. Hasilnya, hakisan tanah runtuh berlaku dan menjejaskan struktur pembinaan kawasan rumah (Mohd Zulkifli Zainuddin 2017). Oleh sebab itu struktur tanah akan menjadi lembut dan licin bergerak menuruni ke cerun bukit dan berlaku tanah runtuh. Kejadian tanah runtuh bukan sahaja merosakkan ekosistem juga membawa bahaya nyawa kepada manusia. Terdapat berita tentang tanah runtuh yang berlaku di Kuala Lumpur, karak punca pembalakan haram (ASTRO AWANI 2015).

Isu penebangan hutan perlu diambil tindakan oleh pihak berkuasa, masyarakat, media massa dan lain-lain. Antara langkah yang dijalankan oleh kerajaan ialah mengawal aktiviti pembalakan melalui perundangan. Dasar Perhutanan Negara (1984) adalah garis panduan dalam melaksanakan mengatasi masalah penebangan hutan. Dasar ini adalah mengisytiharkan sebagai Hutan Simpanan Kekal bagi kawasan yang strategi di seluruh negara (Dasar Perhutanan Negara pindaan 92) dan memelihara dan memulihara hutan, Bagi melancarkan sistem pengurusan hutan, kerajaan juga

mewujudkan pelbagai agensi iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan lain-lain (Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli 2020). Jabatan yang berkaitan adalah bertanggungjawab untuk pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan Hutan Simpan Kekal (HSK). Mengikut dasar Akta Perhutanan Negara 1984 menunjukkan hukuman ialah denda maksimum RM500000 dan dipenjarakan tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 20 tahun bagi kesalahan merosakkan hutan simpan kekal (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020). contohnya menurut berita (MALAYSIAKINI 2020) seorang lelaki warga kemboja didenda RM45000 kerana menceroboh Hutan Simpan Kekal Endau-Rompin secara haram. Akta kualiti Alam Sekitar 1974 juga dilaksanakan oleh kerajaan agar melarang aktiviti memotong, menebas, meneroka sumber hutan simpan. Pihak yang melarang Akta ini akan didenda maksimum RM50000 dengan hukuman 2 tahun penjara. Penguatkuasaan undang-undang dapat mengatasi penebangan hutan dengan segera.

Tambahan pula, langkah yang boleh mengatasi masalah penebangan hutan secara berleluasa ialah penanaman semula. Menurut Julian Evans (1995), penanaman semula merupakan usaha bagi memulihara hutan yang telah musnah. Tujuan bagi penanaman semula adalah untuk mengekalkan spesies pokok hutan dan memastikan kualiti alam sekitar menjadi baik. Spesies pokok yang dikenal pasti cepat membesar ditanam untuk menutupi permukaan bumi yang tandus dan gondol, tindakan ini juga dapat mengelakkan tanah mengalir ke dalam sungai apabila hujan dan menjadi banjir lumpur. Penanaman semula hutan juga dapat mengelakkan masalah peningkatan suhu bumi dan mengurangkan masalah kesan rumah hijau, oleh sebab itu pokok yang ditanam dengan besar-besaran dapat menyerap karbon dioksida yang berada di atmosfera dan membekalkan oksigen kepada manusia selain juga dapat menjalankan proses fotosintesis. Penanaman semula adalah tanggungjawab Jabatan yang tertentu iaitu Jabatan Perhutanan, Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara untuk mengambil tindakan untuk mengatasi masalah penebangan hutan dengan menanam pokok yang bermutu dan sebagai ubat-ubatan serta tahan daripada serangan penyakit. Menurut Mohd Rafi Mamat (2020) berkata Jabatan Perhutanan menanam sebanyak 8000 pokok balak pelbagai spesies di hutan yang diceroboh, inilah dapat memulihkan ekosistem hutan simpan yang terjejas semakin terus. Seterusnya penanaman semula juga dapat mengelakkan berlaku bencana alam seperti tanah runtuh, banjir lumpur.

kecerunan tanah dan lain-lain, apabila pokok ditanam dengan banyak, akar pokok akan kukuh dengan tanah dan mengelakkan berlaku hakisan tanah kerana struktur tanah sangat kuat dengan tanah. Contohnya Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia bekerjasama dengan sektor swasta dalam penanaman semula hutan untuk memulihara alam sekitar (Laupas Junus 2019). Penanaman semula hutan bukan sahaja menghijaukan kawasan juga dapat menstabilkan ekosistem persekitaran. Menurut Fuzi Narindrani mengatakan masyarakat di Indonesia bekerjasama membanteras kegiatan pembalakan haram (2018).

Pendidikan Alam Sekitar merupakan langkah dalam memberi kesedaran kepada masyarakat agar penting menjaga alam sekitar. Pendidikan alam sekitar wajib belajar oleh setiap peringkat pendidikan sekolah, universiti kerajaan atau swasta. Oleh itu sekolah memainkan peranan yang penting untuk mengajar murid ilmu tentang menjaga alam sekitar. Contohnya melalui aktiviti kelab persatuan alam sekitar, pendidikan Geografi, program tanaman semula dan gotong-royong. Sekolah juga boleh mengadakan pameran, pertandingan, dan lain-lain kepada murid-murid. Pameran ini boleh merangkumi tentang isu-isu semasa yang berlaku di alam sekitar, punca-punca yang berlaku pencemaran, kesan dan langkah yang boleh menangani masalah yang berlaku semakin teruk. Melalui pameran ini murid-murid dapat memupuk semangat cinta akan alam sekitar utamanya berkaitan hutan dan kefahaman tentang alam sekitar dan dapat motivation dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Selain pameran, pertandingan kuiz tentang alam sekitar juga akan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid supaya memahami tujuan menjaga alam sekitar. Melalui pertandingan ini akan memberi manfaat kepada pelajar supaya mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar. Pendidikan alam sekitar penting dan memberi kesan kepada generasi akan datang. contohnya menurut Prof Madya Dr Fatin Aliah Phang (2019) bercerita tentang kementerian Pendidikan (KPM) telah memperkenalkan pendidikan Alam Sekitar sebagai satu elemen merentas kurikulum bergantung pada setiap ahli guru dan murid. Media massa juga penting untuk menyebarkan maklumat tentang isu menjaga hutan simpan negara dan alam sekitar melalui radio, TV, surat khabar, majalah, poster dan lain-lain saluran penyebaran maklumat. Media berperanan sebagai penyebar maklumat dan pendidikan masyarakat pada setiap golongan lapisan tidak kira tua atau muda. Hal ini kerana media massa pada masa kini sangat kemajuan menjadi saluran penyebaran maklumat sangat cepat kepada masyarakat .

Kempen Alam Sekitar juga dalam usaha mengatasi penebangan hutan, ia digunakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dengan kempen kepentingan hutan. Kempen ini boleh dijalankan dalam cara ceramah atau pertandingan pensyarah alam sekitar. Kempen yang perlu dijalankan oleh kerajaan perlu menyebarkan poster-poster pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kawasan awam seperti sekolah, pusat beli-belah dan sebagainya supaya ramai orang mengambil tindakan menyertai mendengar ceramah. Jabatan hutan Sarawak (JHS) berusaha menanam sebanyak tujuh juta pokok setahun di seluruh negeri dalam kempen Jom Tanam Pokok, selain juga menggalakkan penglibatan semua lapisan sama ada peringkat sekolah, universiti mahupun bukan badan kerajaan (NGO) bersama menanam semula pokok (UTASAN SARAWAK 2020). Tujuan kempen ini adalah bagi memupuk semangat kecintaan kehijauan pokok-pokok yang berperanan peting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Menurut berita (SKTLDM SITIAWAN 2017) mengadakan kempen Cintai Alam Sekitar di Hutan Lipur Ulu Licin, Beruas dan Kempen Kitar Semula. Antara objektif yang ditetapkan ialah memupuk keindahan alam sekitar dan memupuk nilai murni di kalangan warga. Kempen yang dijalankan dengan lanjut juga dapat membantu menstabilkan suhu iklim bumi dan mengelakkan berlaku bencana alam seperti EL-NINO, tanah runtuh dan sebagainya.

Kesimpulannya, isu penebangan hutan secara berleluasa perlu ditangani oleh pelbagai pihak dengan segera agar memikirkan idea yang kritis untuk mengatasi masalah. Setiap pihak memainkan peranan yang penting perlu memelihara dan memulihara alam sekitar untuk generasi yang akan datang supaya hidup dengan aman. Langkah yang dijalankan berharap masyarakat boleh dilaksanakan dengan segera dan memberi alam sekitar yang baik kepada bumi. Masyarakat perlu diingati cintai alam sekitar dan meningkatkan kesedaran tentang menjaga alam sekitar melalui kempen, pendidikan yang dijalankan. Hal ini demikian, masyarakat bertanggungjawab melestarikan hutan dan mencari idea untuk menghijaukan hutan dengan cara yang alam mesra. Hutan sangat penting bergantung kepada bumi, kita perlulah bekerjasama menjaga hutan dengan peranan yang penting.

RUJUKAN

- Adam Shah Lokam (2017). kesan-kesan kegiatan manusia terhadap tumbuhan semula jadi dan hidupan liar. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/17261047/Geografi_bukit_goh?auto=download
- Akta perhutanan hutan 1984. dimuat turun daripada <https://www.forestry.gov.my/my/perkhidmatan/info-perhutanan/kesalahan-hutan>
- Akta Perhutanan Negara 1984. Dimuat turun daripada <https://www.forestry.gov.my/my/akta-perhutanan-negara-1984>
- Arief A. (2001). Hutan dan Kehutanan. Yogyakarta. Penerbit Kanisius.
- Beita Harian Online. (2020 January 10). suhu meningkat yang berlaku di Australia Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/01/645463/australia-berdepan-kebakaran-ekstrim-baharu-suhu-meningkat>
- Berita Harian. (2019, December 15). Penebangan hutan Amazon meningkat 104 peratus. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2019/12/638851/penebangan-hutan-amazon-meningkat-104-peratus>
- Cheryl Law. (2020 September 14). Utusan Sarawak. JHS tanam 7 juta pokok setahun. Dimuat turun daripada <https://www.utusansarawak.com.my/?p=15712>
- Dr Adibah Mohd Amin. (2019 September 11). PERTANIAN PUNCA KEBAKARAN. Dimuat turun daripada https://www.upm.edu.my/article/pertanian_punca_pembakaran_hutan-53455
- Faziul Salleh. (2014 Jun 23). Ameno World. Dimuat turun daripada <https://www.amenoworld.org/2015/11/banjir-lumpur-karak-kaitannya-dengan.html>
- FMT REPORTED. (2019 March 13). FMT NEWS. Dimuat turun daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/03/13/haram-pembalakan-sabah-berdepan-saman-rm91-6-juta/>
- Akta Perhutanan Negara 1984. Dimuat turun daripada <https://www.forestry.gov.my/my/perkhidmatan/info-perhutanan/kesalahan-hutan>
- Jamaluddin Md. Jahi, Rusli Zainal & Muhammad Rizal Razman. Masalah Alam Sekitar Berkaitan Perhutanan Di Provinsi Riau, Indonesia. Journal of the Malay World and Civilisation, 1(1), 125-131
- Juahir, Hafizan. (2016). Penebangan hutan dan implikasi banjir. <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.2641.6242>

- Julian Evans (1995) Hutan Perladangan Di Kawasan Tropika (Mohd Nasir Jamzah, Perterjemah.) Kuala Lumpur :Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Jumlah penduduk di Malaysia tahun 2019 perbandingan kaum, umur dan jantina. (2019 December 26). Dimuat turun daripada <https://www.gcarian.com/statistik-penduduk-malaysia/>
- Laupa Junus. (2019 May 2). Utusan Malaysia. FRIM bantu program penanaman pokok megah. 30
- Malaysiakini. (2020 January 23). Lelaki didenda RM45,000 ceroboh Hutan Simpan Endau-Rompin. Dimuat turun daripada <https://m.malaysiakini.com/news/508174>
- Mohd Rafi Mamar. (2020 jun 13). MY Metro berita online. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/589254/aktiviti-pembalakan-haram-skala-besar-terbongkar>
- Mohd Rafi Mamat (2020 Jun 22). Berita Harian. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/702883/jabatan-perhutanan-tanam-balak-di-hutan-diceroboh>
- Mohd Zulkifli Zainuddin (2017 February 7). Berita Harian. 60 rumah terdedah tanah runtuh. 12-13
- Narindrani, Fuzi. (2018). Upaya Masyarakat dalam Pencegahan dan Pemberantasan Pembalakan Liar di Indonesia. Jurnal Penelitian Hukum De Jure. <https://doi.org/18.241.10.30641/dejure.2018.V18.241-256>.
- Nasa. Dimuat turun daripada <https://earthobservatory.nasa.gov/world-of-change/Deforestation>
- Nora Mahpar. (2019 Jan 23). Eksport kayu balak, produk kayu diunjur cecah RM23 bilion. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/01/523076/eksport-kayu-balak-produk-kayu-diunjur-cecah-rm23-bilion>
- Nur Azrean. DIMENSi - Hutan, Khazanah Alam Malaysia. (22 Mei 2020). Dimuat turun daripada <https://sites.google.com/view/beritadimensi/environment/malay/hutan-khazanah-alammalaysia>
- Ridzaudin Roslah. (2019.March 19). Pak Belang diancam Kepupusan, 14.
- SARAWAK VOICE. (2019 JULY 2). Dimuat turun daripada <https://sarawakvoice.com/2019/07/02/industi-perkayuan-sarawak-beri-80000-peluang-pekerjaan/>

SKTLDM SITIAWAN. (2017 May 10). Kempen Cintai Alam Sekitar Dan Kitar

Semula. 100317/01. Dimuat turun daripada

<http://www.navy.mil.my/index.php/en/information/news/main/item/4218-kempen-cintai-alam-sekitar-dan-kitar-semula>

The Pachamama Alliance. Punca penebangan hutan. (20 October 2020). Dimuat turun

daripada <https://www.pachamama.org/effects-of-deforestation>

World of Change: Penebangan hutan Amazon. Retrieved (20 October 2020). Dimuat

turun daripada <https://earthobservatory.nasa.gov/world-of-change/Deforestation>